**SIARAN MEDIA**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**72 PASANGAN MENGHADIRI MAJLIS MAKAN MALAM DATE NIGHT**

| | | |
|---|---|---|
| TETAMU KEHORMAT | : | YANG BERHORMAT DATUK ROHANI ABDUL KARIM<br>MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT<br><br>YANG BERBAHAGIA DR. SITI NORLASIAH ISMAIL<br>KETUA PENGARAH,<br>LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)<br><br>YANG BERUSAHA DR. GREG SMALLEY<br>PENGARAH EKSEKUTIF *MARRIAGE AND FAMILY FORMATION*<br>*FOCUS ON THE FAMILY USA*<br><br>YANG BERUSAHA EN. LEE WEE MING<br>PENGARAH EKSEKUTIF<br>FOKUS ON THE FAMILY MALAYSIA |
| TARIKH | : | 11 OKTOBER 2013 |
| TEMPAT | : | *TROPICANA GOLF & COUNTRY RESORT*, PETALING JAYA |
| ACARA | : | MAJLIS PERASMIAN *DATE NIGHT* |

**PETALING JAYA, 11 OKTOBER, 2013** – "Perkahwinan yang baik terbina dari kerjasama, kepercayaan, kesihatan yang baik dan kasih sayang yang tiada kesudahan", kata Datuk Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat ketika merasmikan Program *Date Night* anjuran Focus of The Family di Tropicana G*olf & Country Resort* Petaling Jaya hari ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat memandang serius berkaitan isu ini. Bagi memantapkan kesejahteraan keluarga di Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) iaitu agensi dibawah KPWKM telah menyediakan pelbagai program keibubapaan seperti Program Pra Perkahwinan SMARTSTART, Keibubapaan@Kerja (Parenting@Work) dan Ilmu Keluarga@LPPKN. Program-program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO seperti *Focus On The Family* dan badan-badan Agama.

Seramai 72 pasangan yang hadir di Majlis Makan Malam *Date Night*. Program ini bertujuan untuk memberi inspirasi kepada pasangan suami isteri untuk supaya sengaja melabur (berbelanja) dalam perkahwinan mereka, menggalakkan pasangan untuk pergi "regular dates" kerana ia membawa perbezaan dalam hubungan, untuk memberi penekanan pentingnya perkahwinan yang kukuh untuk membina persekitaran keluarga yang berkembang maju.

Majlis ini di teruskan pada keesokkan harinya dengan Seminar Perkahwinan kepada pasangan yang hadir di Program *Date Night.* Seminar ini akan dikendalikan oleh Dr. Greg Smalley yang merupakan seorang pakar dalam bidang kekeluargaan dari Focus On The Family, Amerika Syarikat. Antara pengisian seminar tersebut adalah *Personality Responsibility- How to Instantly Stop Argument, L.U.V.E Talk- How to immediately and Deeply Understand Your Spouse dan Teammates-Finding Solution That Boath People Feel Great About.*

**PETALING JAYA, 11 OKTOBER, 2013** – "Perkahwinan yang baik terbina dari kerjasama, kepercayaan, kesihatan yang baik dan kasih sayang yang tiada kesudahan", kata Datuk Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat ketika merasmikan Program *Date Night* anjuran Focus of The Family di Tropicana G*olf & Country Resort* Petaling Jaya hari ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat memandang serius berkaitan isu ini. Bagi memantapkan kesejahteraan keluarga di Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) iaitu agensi dibawah KPWKM telah menyediakan pelbagai program keibubapaan seperti Program Pra Perkahwinan SMARTSTART, Keibubapaan@Kerja (Parenting@Work) dan Ilmu Keluarga@LPPKN. Program-program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO seperti *Focus On The Family* dan badan-badan Agama.

Seramai 72 pasangan yang hadir di Majlis Makan Malam *Date Night*. Program ini bertujuan untuk memberi inspirasi kepada pasangan suami isteri untuk supaya sengaja melabur (berbelanja) dalam perkahwinan mereka, menggalakkan pasangan untuk pergi "regular dates" kerana ia membawa perbezaan dalam hubungan, untuk memberi penekanan pentingnya perkahwinan yang kukuh untuk membina persekitaran keluarga yang berkembang maju.

Majlis ini di teruskan pada keesokkan harinya dengan Seminar Perkahwinan kepada pasangan yang hadir di Program *Date Night.* Seminar ini akan dikendalikan oleh Dr. Greg Smalley yang merupakan seorang pakar dalam bidang kekeluargaan dari Focus On The Family, Amerika Syarikat. Antara pengisian seminar tersebut adalah *Personality Responsibility- How to Instantly Stop Argument, L.U.V.E Talk- How to immediately and Deeply Understand Your Spouse dan Teammates-Finding Solution That Boath People Feel Great About.*

Untuk maklumat lanjut mengenai program kemahiran keibubapaan yang dianjurkan oleh LPPKN, sila layari www.lppkn.gov.my atau hubungi Bahagian Pembangunan Keluarga di talian umum 03-26937555.

####

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Unit Komunikasi Korporat**
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
12B, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
No. telefon : 03-2693 7555 samb. 3308 / 3310/ 2132
No. Faks : 03-2691 9431